



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Negeri Sembilan
Kampus Seremban

FAKULTI PERAKAUNAN

BULETIN FPN



fa

Penilaian sendiri dan rakan sebaya satu peluang kepada pelajar untuk berikan pandangan atau peluang untuk disalah guna demi kepentingan diri?

Rafizan Abdul Razak dan Akma Hidayu Dol@ Abdul Wahid

Penilaian kerja kursus berterusan adalah salah satu kaedah yang biasa digunakan untuk menilai prestasi seorang pelajar di universiti. Komponen penilaian kerja kursus merangkumi pelbagai item seperti ujian, kuiz, kerja kumpulan, pembentangan projek kumpulan atau individu, penilaian pensyarah atau penilaian sendiri pelajar berdasarkan rubrik dan lain-lain. Salah satu komponen yang diguna pakai secara meluas kini adalah penilaian rakan sebaya atau penilaian sendiri pelajar sesama sendiri untuk kerja kumpulan yang dilakukan dalam sesuatu kursus.

Objektif pelaksanaan penilaian sendiri dan rakan sebaya ini adalah memberi peluang latihan dan menggalakkan keterlibatan pelajar secara holistik dalam proses pembelajaran mereka terutama dari segi kemahiran membuat keputusan, memberi pendapat dan pandangan bersesuaian, kerjasama dan kepimpinan. Pelajar akan menilai rakan sebaya dalam

kumpulan masing-masing dan diri sendiri berdasarkan rubrik yang telah ditetapkan dalam sesuatu kursus seperti rubrik penilaian kerjasama dalam kumpulan. Selepas pelajar menyiapkan tugas berkumpulan mereka akan diberi peluang untuk menilai hasil sumbangan diri dan rakan sekumpulan dari segi




kepimpinan, idea, ketetapan masa, penyelesaian konflik dalam kumpulan dan sebagainya.

Tinjauan maklum balas secara rawak yang telah dijalankan pada tahun 2023 untuk dua semester pembelajaran yang lepas melibatkan para pelajar ijazah dan diploma di Kampus Seremban menunjukkan keputusan yang agak mengejutkan dan membimbangkan. Ini kerana hanya 62% daripada 295 orang responden atau seramai 183 orang sahaja yang memaklumkan tidak melakukan penyalahgunaan atau menipu dalam memberi penilaian markah. Manakala 28% daripada 295 orang pelajar yang memberikan maklum balas mengakui telah menyalah guna atau menipu dalam memberi penilaian rakan sebaya dalam kerja berkumpulan. 10% lagi memberi respons yang neutral.



Daripada hasil tinjauan ini terdapat banyak faktor yang mungkin mendorong sekumpulan pelajar ini melakukan penyalahgunaan dalam memberi markah penilaian seperti ingin memastikan mendapat gred yang tinggi, ingin memastikan lulus dalam kursus yang diambil, simpati kepada kawan atau ingin mengekalkan hubungan baik sesama mereka. Terdapat juga segelintir pelajar yang mungkin menggunakan peluang ini untuk melepaskan kemarahan atau rasa geram akibat konflik kumpulan yang tidak dapat diselesaikan dengan cara baik sehingga menjejaskan pertimbangan mereka dalam memberi penilaian markah.



Oleh yang demikian pelaksanaan penilaian ini memerlukan pemantauan berkala sepanjang semester dari pensyarah untuk memastikan markah penilaian yang diberikan oleh pelajar mencerminkan prestasi sebenar dan hasil kerja pelajar yang telus. Setiap masa pertemuan dengan pelajar di dalam kelas mahupun secara atas talian, pelajar perlu sentiasa diingatkan agar bersikap jujur dan amanah dalam memberikan penilaian dan membuat keputusan secara profesional dan penuh tanggung jawab.



Penilaian sendiri dan rakan sebaya dalam kerja kursus merupakan satu platform awal untuk membentuk sikap bertanggungjawab dan integriti dikalangan pelajar sebelum melangkah ke dunia luar dan pekerjaan yang lebih mencabar. Amalan menipu atau meniru dalam tugas kerja kursus dikalangan pelajar merupakan satu kesalahan berat berdasarkan peraturan akademik. Apa yang harus dilakukan sudah semestinya membendung dan memberi didikan berterusan kepada para pelajar agar menjadi generasi yang bukan hanya cerdas tetapi amanah, jujur dan berintegriti tinggi dalam apa jua tugas dan pekerjaan mereka kelak.

Rujukan:

Soal selidik berkaitan pengalaman, penglibatan dan kepuasan hati pelajar dengan penggunaan e-rubrik bagi penilaian kerja berpasukan dalam Kursus Perakaunan dan Pelaporan Kewangan (2023).